



# Awang Sariyan terima Anugerah Suluh Budiman UPSI

Ihsan Noorzali - Mei 17, 2023 @ 7:32pm  
bhnews@bh.com.my



Tuanku Zara Salim mengurniakan Anugerah Tokoh Guru Suluh Budiman 2023 kepada Awang Sariyan pada Majlis Sambutan Hari Guru dan Majlis Hari Raya Aidilfitri UPSI di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, Tanjung Malim. Turut hadir, Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff (kanan). - Foto UPSI

TANJUNG MALIM: Bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Prof Datuk Seri Dr Awang Sariyan hari ini dipilih menerima Anugerah Tokoh Guru Suluh Budiman Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) 2023.

Ahli Dewan Negara yang juga cendekiawan, perancang bahasa tamadun alam Melayu dan persuratan menerima anugerah berkenaan pada Majlis Sambutan Hari Guru dan

Majlis Hari Raya Aidilfitri UPSI di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, di sini.

Beliau yang berasal dari Kampung Teluk Kerang, Pontian, Johor, pernah menyandang Kursi Za'ba di UPSI dan penyandang Kursi Pengajian Melayu Kerajaan Malaysia di Beijing, China, profesor tamu di beberapa universiti terkemuka antarabangsa.

Anugerah berkenaan yang menyertakan hadiah wang tunai RM5,000, selempang tokoh serta sijil iringan, dikurniakan oleh Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim yang juga Canselor UPSI. Awang Sariyan antara 22 penerima anugerah pelbagai kategori sempena sambutan hari ini.

Sepanjang kerjayanya, bekas Ketua Pengarah DBP itu juga menerbitkan 70 buku ilmiah, buku umum, buku teks serta buku himpunan puisi dan lebih 500 makalah dalam jurnal, majalah, surat khabar serta lebih 200 kertas kerja dan syarahan disampaikan seluruh pelosok dunia.

Tuanku Zara turut berkenan mengurniakan Anugerah Tokoh Guru Alumni kepada sembilan penerima, antaranya bekas Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) (Perlis), Datuk Hamdan Bahari dan Sasterawan Negara 2022, Datuk Rahman Shaari.

Turut menerima anugerah sama, Presiden Persatuan Penulis Budiman Malaysia dan Prof Adjung Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Prof Dr Abdul Halim Ali dan komposer terkenal, Rozman Shafie (LY).

Anugerah Guru Cemerlang diberikan kepada 23 individu, antaranya Ikon Guru Teknologi Pendidikan Kebangsaan, Abd Rahman Ali Bashah; Pemenang Malaysia Teacher Prize 2022, Anuthra Sirisena dan Tokoh Sambutan Maulidur Rasul Melaka 2021, Chan Chin Ho.

Selain itu, penerima Anugerah Global Teacher 2021, Komathy Veerasingham; bekas Menteri Pelajaran Kanan Brunei, Datuk Paduka Muhammad Taha Abdul Rauf dan bekas Menteri Negara Kanan Singapura, Datuk Seri Sidek Saniff.

Penerima Anugerah Tokoh Guru Alumni dan Anugerah Guru Cemerlang membawa pulang syiling 'Peringatan 100 Tahun SITC-MPSI-IPSI-UPSI' dan sijil iringan.

Yang hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Perak, Khairudin Abu Hanipah serta Pengerusi Lembaga Pengurusan Universiti, Puan Sri Rohani Parkash Abdullah.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff dalam ucapan aluannya, berkata sambutan itu dianjurkan setiap tahun sebagai salah satu inisiatif menghargai jasa dan pengorbanan guru yang menabur bakti mendidik bangsa tanpa jemu .

"Jika ditelusuri sejarah tanah Muallim, di sini lahirnya ramai insan termulia yang bergelar guru yang berbakti di seluruh negara.

"UPSI telah melahirkan legasi pendidikan di seluruh negara, bermula dari zaman Sultan Idris Training College (SITC) sehingga terukirnya nama-nama tokoh guru yang

hebat seperti Pendeta Za'ba, Aminuddin Baki, Tun Rahman Abbas, Ibrahim Haji Yaakub, Tun Abdul Ghafar Baba.

"Ada ramai lagi tokoh pendidik yang memberi inspirasi kepada kita dalam menabur bakti sebagai warga pendidik," katanya.

Md Amin berkata, seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, UPSI selaku Peneraju Kebitaraan Pendidikan sentiasa berusaha mengorak langkah menerajui kecemerlangan pendidikan merangkumi tiga intipati insaniah, iaitu Integriti, Adab dan Akhlak.